

Pesta silat 26 JUL 1988 antarabangsa di Singapura

SINGAPURA akan menjadi tuan rumah pertandingan pencak silat antarabangsa dalam Ogos nanti dan akan disertai oleh 112 orang dari 19 buah negara.

Pertandingan besar yang julang-julung kali akan diadakan di sini itu akan disertai bukan saja oleh negara-negara Asia, bahkan dari negara-negara Eropah, Amerika Syarikat dan Australia.

Kejohanan undangan yang terbesar itu akan berlangsung di Dewan Sukan Bedok dari 25 hingga 29 Ogos. — Laporan penuh di Muka 9.

SILAT ANTARABANGSA

17 wasit luar adili pertandingan 27 JUL 1988

SERAMAI 17 wasit luar negeri akan diundang untuk mengadakan Kejohanan Pencak Silat Undangan Antarabangsa yang akan berlangsung di Dewan Sukan Bedok mulai 25 hingga 29 Ogos nanti.

Menurut timbalan pertama presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Haji Abdul Rahim Dayan, tiga buah negara akan diminta mengirinkan 12 pengadil, lima lagi pengadil akan didatangkan dari lima negara.

"Empat pengadil akan diundang dari Indonesia, Malaysia dan Brunei, sementara Belanda, Jerman Barat, Sepanyol, Austria dan Thailand masing-masing diminta mengemukakan seorang pengadil," kata Haji Rahim.

"Singapura, selaku tuan rumah akan menyediakan 15 pengadil sepanjang kejohanan tersebut.

"Undangan ini dibuat bagi menghindarkan perasaan curiga dan menjauhkan dari berlakunya kesangsian mengenai keputusan pertandingan di kalangan negara-negara peserta," jelas timbalan pertama presiden Persisi itu.

Menerangkan lebih lanjut tentang kejohanan tersebut, Haji Rahim berkata: "Seramai enam orang wasit diperlukan dalam sesuatu pertandingan. Lima juri akan bertugas di tepi gelanggang, sementara seorang lagi

akan bertindak sebagai pengadil di dalam gelanggang."

Kejohanan ini akan menggunakan dua gelanggang. Oleh itu terdapat 12 pengadil akan berkhidmat secara serentak dalam sesuatu masa pertandingan.

Tambah Haji Rahim: "Atas sebab-sebab itulah kami memerlukan jumlah pengadil yang agak ramai bagi melicinkan pertandingan ini."

Haji Rahim menegaskan pihaknya akan berusaha giat membuat persediaan yang lebih rapi dalam segi pengadil.

"Ini termasuk memastikan agar tidak ada sebarang pesilat yang menggunakan ilmu kebatinan ketika bertarung di gelanggang nanti," katanya.

"Sebagai satu dari langkah tersebut, kami akan melantik tiga mahaguru silat untuk duduk dalam Dewan Hakim. Mereka semua merupakan orang-orang paling berpengalaman.

"Ini akan dibantu pula oleh para pesilat yang tidak kurang berpengalaman yang dilantik ke Dewan Pende- kar," kata Haji Rahim.

Haji Rahim berharap agar tidak ada peserta yang cuba menggunakan ilmu kebatinan semasa bertanding. —
MOHD SANI ALI.

Silat Kebangsaan: Azam Abas, Wan Amizah & Hanafi (M) mengetuai cabaran 28 JUL 1988 Kelantan

PEMENANG pingat gangsa Silat Sedunia, Azam Haji Abas dan Wan Amizah Wan Ahmad akan mengetuai cabaran Kelantan ke Kejohanan Silat Kebangsaan di Port Dickson hari ini dalam usaha merebut Piala Perdana Menteri.

Ketua jurulatih negeri, Mohd Noor Mahmud, berkata seramai 25 pesilat termasuk lima pesilat seni disenarai ke kejohanan itu yang dipilih daripada pelbagai pertubuhan, Mac lalu. *PINAK HUN*

Tahun lalu, Kelantan memenangi dua emas dan satu gangsa menerusi Azam Haji Abas Kelas H, Fauzi Aziz (I) dan Zulkifli Shafie (E).

Mohd Noor berkata, harapan merangkul kejuaraan musim ini cerah berdasarkan persembahan setiap pesilat sepanjang latihan selama sebulan.

Selain Azam dan Wan Amizah, harapan mengutip pingat emas kepada naib johan Kelas G '86, Kamaruzaman Yaacob, Tuan Zailani Tuan Soh (B), Zulkifli Shafie (E), Che Rohani Che Abdul Hamid (A), Nor Zakiah Che Kob (D) dan Noriah Harun Kelas E.

Peserta silat seni ialah Wan Halim Wan Hamad, Rosli Rejab, Mohammad Zailan dan Saharuddin Mohd Noor, manakala Wan Zakaria Ibrahim seni lawan pedang.

Pesilat olahraga ialah, Mohd Basri Abd Rahman (Kelas A), Tuan Zailani Tuan Soh (B), Che Dawud Azil Yusoff (C), Kamaruzaman Yaacob (D), Zulkifli Shafie (E), Wan Adnan Wan Isa (F), Wan Hamizu Wan Yusof (G), Azam Hj Abas (H), Szali Said (I) dan Mohd Zain (Bebas).

Manakala pesilat wanita ialah Che Rohani Che Abdul Hamid (Kelas A), Wan Amizah Wan Ahmad (B), Che Rosnah Che Amat (C), Nor Zakiah Che Kob (D), Noriah Harun Kelas E.

■ Sementara itu, Terengganu berazam mengutip seberapa banyak pingat di Kejohanan Silat Kebangsaan di Port Dickson bermula hari ini.

Pengurus pasukan, Johari Ibrahim, berkata Persatuan Seni Silat Terengganu (Pesilat) menghantar 17 peserta, termasuk dua wanita, menyertai silat olahraga sementara lima lagi untuk silat seni.

Johari berkata, antara peserta yang diharapkan dapat memungut pingat ialah Razak Ismail untuk Kelas E dan Azmi Manaf (kelas B).

Kelas A diwakili oleh Abdullah Che Soh, Azmi Manaf (B), Alias Mohd Nor (C), Wan Ismail Wan Sembak (D), Razak Ismail (E), Shamsudin Omar (F), Shafie Abu Bakar (G), Haji Che Mat Tahir Long (H), Mohd Shamsuri Mohd Rasu (I) dan Abd Wahab Said (kelas bebas).

Manakala dua pesilat wanita, Rohani Mohamad menyertai kelas A dan Che Fah Abdullah (C).